

24 DEC 2002
TPM-MESIN/I
TPM SASAR HASILKAN 30 UNIT MESIN CNC SEBULAN

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Technology Park Malaysia (TPM) mensasar untuk mengeluarkan 30 unit mesin Kawalan Angka Komputer (CNC) sebulan bagi pasaran syarikat tempatan.

Ketua pegawai eksekutifnya Datuk Dr Mohamad Salleh Ismail berkata ketika ini syarikat itu mengeluarkan 15 unit mesin sebulan.

Beliau berkata, ketika ini 60 peratus daripada komponen diperolehi dalam negeri dengan 45 peratus keluaran tempatan dan 15 peratus dibeli daripada pembekal tempatan.

"Sasaran kami adalah untuk membina dan memasang 90 peratus komponen yang diperolehi dari dalam negeri," katanya di majlis pelancaran mesin CNC buatan pertama TPM di Malaysia, Master CNC 10HVA, oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di TPM, Bukit Jalil, dekat sini hari ini.

Mesin itu, Master CNC 10HVA akan dijual dengan harga antara RM120,000 hingga RM200,000 seunit.

Rakan kongsi teknologi bagi projek ini adalah Yamazaki Mazak Corporation, dari Jepun, satu daripada pengeluar mesin CNC terbesar di dunia.

Ketika ini, mesin CNC yang digunakan oleh syarikat-syarikat di Malaysia kebanyakannya diimport dari negara luar seperti Australia, Jerman, Jepun dan China di mana harganya sangat mahal dan tidak mampu dibiayai oleh Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Dr Mohamad Salleh berkata dua syarikat, Lead Hardware Sdn Bhd dan Mastertech Sdn Bhd telah dilantik sebagai pengedar sah bagi Pusat Mesin CNC dan pembeli yang berminat boleh membuat tempahan dengan mereka.

Harga mesin CNC kini lebih murah dan banyak syarikat sudah mampu untuk membelinya dan ia sekaligus akan meningkatkan daya saing pembuatan dan mengurangkan kos operasi, katanya.

Mesin Master CNC 10HVA memberi jaminan untuk kualiti tinggi dan kecekapan.

Ia adalah mesin yang lengkap untuk menghasilkan bahagian-bahagian berkualiti tinggi bagi industri automotif, industri elektrik dan elektronik, pengeluar kelengkapan perubatan dan pengeluar kelengkapan hidraulik. -- BERNAMA

ERE/WNZ KTC ZK